

Submission date: 28/07/2021

Accepted date: 13/03/2022

DOI: 10.33102/abqari.vol26no1.418

**TAHAP KETEPATAN SEBUTAN KONSONAN ARAB SUKAR OLEH  
MURID PRASEKOLAH DALAM PEMBACAAN AL-QURAN*****Pronunciation Accuracy Rates of Difficult Arabic Consonants in Al-Quran  
Recitation by Preschool Students***Mohamad Hussin<sup>a1</sup>, Ain Zuhaily Mat Nuar<sup>a2</sup><sup>a</sup>Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia<sup>1</sup>[mohamadhussin@um.edu.my](mailto:mohamadhussin@um.edu.my) (corresponding email)<sup>2</sup> [ismizuhaily@gmail.com](mailto:ismizuhaily@gmail.com)**Abstract**

This study aimed to identify the pronunciation of Arabic consonants in difficult categories by preschool students and analyze the forms of errors made. This study is a qualitative study that uses the method of audio recording of readings and review of pronunciation accuracy by experts in the field to obtain the required data. The results showed that there were various pronunciation errors from the aspect of articulation points and the qualities of the letters. Ten Arabic consonants have changed to other consonant in terms of articulation with different frequencies. Consonant sounds in the students' mother tongue are more dominant in their pronunciation triggering the errors. Therefore, efforts to train students in the correct pronunciation of Arabic consonants are necessary to produce correct consonant pronunciation.

Keywords: phonetics, Arabic consonants, pronunciation of Arabic consonants, articulation points and the qualities of the letters.

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sebutan konsonan Arab dalam kategori sukar oleh murid prasekolah dan menganalisis bentuk kesilapan yang dilakukan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah rakaman audio pembacaan dan semakan ketepatan penyebutan oleh pakar bidang bagi memperoleh data yang diperlukan. Hasil kajian menunjukkan berlaku pelbagai kesilapan penyebutan dari aspek makhras dan sifat huruf. Sepuluh konsonan Arab telah ditukar bunyinya kepada bunyi konsonan lain dengan kekerapan yang berbeza. Bunyi

konsonan bahasa ibunda murid lebih mendominasi sebutan mereka menyebabkan kesalahan berlaku. Oleh yang demikian usaha melatih murid cara sebutan konsonan Arab yang betul adalah diperlukan untuk menghasilkan sebutan konsonan yang tepat.

Kata kunci: fonetik, konsonan Arab, penyebutan konsonan Arab, makhraj dan sifat huruf

## **PENDAHULUAN**

Kajian fonetik ialah kajian terhadap bunyi-bunyi bahasa dan peranannya sebagai media atau sarana bahasa (Hans Lapoliwa, 1988). Ia berkaitan dengan sifat fizikal bunyi, proses penghasilan fisiologi, penerimaan auditori dan persepsi neurofizikal. Dengan erti kata lain fonetik membicarakan proses yang terjadi mulai dari saat pembentukan bunyi oleh pembicara sehinggalah pendengar menyedari berita yang disampaikan melalui bunyi-bunyi berkenaan (Hans Lapoliwa, 1988).

Ilmu fonetik berkait rapat dengan pembelajaran bunyi konsonan dan vokal yang merupakan satu unit dalam pembelajaran bahasa. Sebelum seseorang pelajar belajar membaca, mereka akan diperkenalkan dengan huruf-huruf konsonan terlebih dahulu (Nik Mohd Rahimi et al., 2010). Oleh yang demikian, penekanan penguasaan sebutan konsonan sangat dititik beratkan kerana tanpa penguasaan yang baik akan menyumbang kepada kesalahan sebutan yang memberi kesan kepada perubahan makna perkataan.

Setiap konsonan Arab mempunyai daerah artikulasinya tersendiri, yang berlainan dengan daerah artikulasi bahasa Melayu. Keadaan ini akan menyumbang kepada kesukaran menyebut konsonan Arab khususnya dalam kalangan murid prasekolah untuk mempelajari pembacaan al-Quran dan bahasa Arab (Nik Mohd Rahimi et al., 2010).

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Penyebaran Islam ke Nusantara menyebabkan masyarakat Melayu mula terdedah dengan al-Quran. Kehadiran lebih dari 21 terjemahan al-Quran dalam bahasa tempatan sejak dari kurun ke-17 menjadi bukti yang menyokong pernyataan ini (Hussin, M., & Kamal, M. 2021). Aktiviti pembacaan al-Quran didedahkan pada setiap peringkat umur di Malaysia, bermula seawal peringkat prasekolah sehingga tahap pengajian tinggi. Ia juga biasanya diajar di rumah-rumah secara tidak formal oleh ibu bapa dan di kawasan kejiranan oleh guru al-Quran bertauliah (Saadon et al., 1985). Walaupun begitu hasil kajian menunjukkan tahap penguasaan pembacaan al-Quran masih perlu diperbaiki khususnya aspek penyebutan huruf (Azarudin et al., 2011; Masnan Jemali, 2005; Mohd Aderi, 2004; Abdel Raziq, 1996).

Kajian Azarudin et al. (2011) menunjukkan 4.1% pelajar berada pada tahap lemah dalam menilai kebolehan diri mengenali huruf al-Quran. Manakala, 6.4% berada dalam tahap lemah dalam menyebut makhraj huruf al-Quran. Kajian Masnan Jemali (2005) pula menunjukkan 34.5% responden kajiannya berada pada tahap lemah dalam keupayaan membaca al-Quran. Pelajar didapati tidak mampu menyebut makhraj huruf dengan betul dan lemah dalam menguasai tajwid dengan baik. Kajian Mohd Aderi (2004) pula menunjukkan bahawa walaupun 63% subjek kajian telah khatam al-Quran, akan tetapi tahap keseluruhan bacaan mereka kurang memuaskan.

Antara faktor yang menyumbang kepada kesukaran bagi penutur Melayu untuk menyebut beberapa huruf Arab ialah kesan daripada pertembungan sistem bunyi yang berbeza. Penutur Melayu cenderung menggantikan bunyi huruf Arab kepada bunyi yang hampir sama dengannya dalam bahasa ibunda (Abdel Raziq, 1996). Situasi ini adalah lumrah kerana menurut Tarigan (1988) bahasa yang paling dikuasai oleh seorang pelajar berpengaruh besar terhadap pemerolehan bahasa berikutnya. Fenomena ini dinamakan persepsi sebutan oleh pendengar (Yunus & Pillai, 2020). Flege (1995) menekankan bahawa sekiranya pelajar bahasa kedua menganggap bunyi bahasa terbabit adalah sama dengan bahasa pertama, maka bunyi bahasa kedua tersebut akan disebut dengan menyamakan bunyi yang terdekat daripada bahasa pertama mereka. Oleh itu, pelajar tidak membentuk kategori bunyi bahasa yang baharu walaupun dari sudut fonetik, kedua-dua bahasa terbabit adalah berbeza. Pengaruh bahasa pertama hanya akan berkurang apabila tahap penguasaan bahasa kedua semakin meningkat, sehinggalah pengaruh ini tidak lagi berlaku apabila pelajar menguasai kedua-dua bahasa pada tahap yang sama.

Bahasa Melayu dan bahasa Arab berasal daripada dua rumpun bahasa yang berbeza. Perbezaan keluarga bahasa ini menyumbang kepada perbezaan ciri bahasa dan penyebutan bunyi antara dua bahasa berkenaan. Menurut Za'ba (1965) terdapat 14 konsonan bahasa Melayu yang telah dipinjam daripada konsonan Arab, iaitu /ش/, /ز/, /ذ/, /خ/, /ح/, /ث/, /ظ/, /ط/, /ض/, /ص/, /ق/, /ف/, /غ/, /ع/. Konsonan-konsonan ini didapati kurang fasih dituturkan oleh pelajar prasekolah (Nik Mohd Rahimi, 2010). Dari sudut organ artikulasi pula, terdapat dua organ sebutan bunyi bahasa Arab yang tidak digunakan dalam bahasa Melayu, iaitu halkum dan anak tekak (Kamarulzaman Abd Ghani, 1998)

Faktor ini mendorong kepada kesilapan dalam menutur bunyi konsonan tertentu jika tidak dirawat dengan berkesan. Antara bentuk kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar Melayu dalam menyebut perkataan Arab ialah kesilapan makhraj huruf (Hassan & Zailaini, 2015). Perbezaan sebutan fonem Arab menyumbang kepada kesukaran untuk menyebut sebutan fonem yang tiada dalam bahasa ibunda, terutamanya kepada murid prasekolah. Hal ini kerana mereka hanya mula terdedah

dengan bahasa Arab secara formal ketika berada pada tahap prasekolah sahaja. Sebelum itu mereka hanya terdedah kepada bunyi bahasa ibunda daripada persekitaran. Oleh itu, apabila didedahkan kepada bunyi dan sebutan Arab, mereka akan menghadapi kesukaran untuk menyebutnya, terutama sekali konsonan yang tiada dalam bahasa Melayu (Nik Mohd Rahimi, 2010).

Kajian ini bertujuan untuk meneliti fenomena penyebutan konsonan Arab dalam pembacaan al-Quran dalam kalangan murid prasekolah. Fokus kajian adalah untuk meneliti cara sebutan konsonan Arab dalam pembacaan al-Quran dengan menumpukan ketepatan sebutan dan bentuk kesilapan yang berlaku. Melalui kajian ini diharapkan aspek kesilapan dapat dikenalpasti dan pendekatan merawat dengan cara yang berkesan turut boleh dicadangkan.

### MAHKRAJ HURUF ARAB

Makhraj huruf bermaksud daerah artikulasi iaitu tempat terbentuknya sebutan sesuatu huruf pada organ pertuturan. Ia terjadi apabila berlaku pertemuan antara dua organ pertuturan semasa udara melintas (Ibrahim Mustafa, 1989; Mohd Zaki, 2002). Al-Qaddur (1999) mendefinisikan makhraj sebagai titik pertemuan antara dua organ pertuturan manusia untuk menyebut sesuatu huruf.

Setiap makhraj huruf mempunyai tugas yang tersendiri dan akan bekerjasama dengan makhraj huruf yang lain untuk menghasilkan suatu bunyi. Daerah artikulasi aktif akan bergerak dan bekerjasama dengan daerah artikulasi pasif untuk menghasilkan bunyi. Artikulasi aktif ialah lidah dan bibir bawah. Manakala artikulasi pasif ialah bibir atas, gigi, langit keras, langit lembut, gusi, anak tekak dan kerongkong (Shariq, 2015).

Sarjana Arab membahagikan makhraj huruf kepada sepuluh (Hassani, 2020; Qaddur, 1999; Jalil A., 1998) seperti dalam jadual berikut:

**Jadual 1: Makhraj huruf Arab dan bunyinya**

Bil	Makhraj	Huruf Dan Bunyi
1	Antara dua bibir [ <i>bilabial</i> ]	ب /b/, م /m/, و /w/
2	Bibir bawah dan gigi atas [ <i>labio-dental</i> ]	ف /f/
3	Hujung lidah dan hujung gigi depan atas [ <i>interdentales</i> ]	ظ /ðʕ/, ذ /ð/, ث /θ/
4	Hujung lidah dengan gigi depan atas dan depan lidah dengan gusi [ <i>apicale - alvéolaires</i> ]	ض /dʕ/, ط /tʕ/, د /d/, ت /t/, ز /z/, ص /s/, س /s/
5	Hujung lidah dan gusi atas [ <i>alveolar liquid</i> ]	ر /r/, ن /n/, ل /l/
6	Depan lidah dan langit keras [ <i>prepalatales</i> ]	ج /dʒ/, ش /ʃ/, ي /j/
7	Pangkal lidah dan langit lembut [ <i>vélaires</i> ]	ك /k/, خ /x/, غ /ɣ/

8	Pangkal lidah dan anak tekak [ <i>postpalatale</i> ]	ق /q/
9	Rongga tekak [ <i>pharyngales</i> ]	ع /ʕ/, ح/h/
10	Pangkal rongga tekak [ <i>laryngales</i> ]	ء /ʔ/, ه/h/

Al-Ishbīlī (1984) dan Ibn al-Jazarī (2006) membahagikan makhraj huruf Arab kepada makhraj utama yang terdiri daripada lima bahagian iaitu rongga mulut, kerongkong, lidah, bibir dan hidung. Daripada lima bahagian utama ini dipecahkan pula kepada 17 makhraj (Abdul Qadir Leong, 2005). Manakala Sībawayh (1986) menyatakan makhraj huruf Arab ada 16 semuanya. Walaupun terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan para sarjana dalam menentukan jumlah makhraj huruf, namun ini tidak menunjukkan percanggahan sama sekali. Menurut Ishak (1998), sarjana Arab bersepakat dalam menentukan asas makhraj huruf. Perselisihan berlaku hanya dari sudut pembahagiannya sahaja.

### SIFAT HURUF ARAB

Sifat huruf ialah ciri tertentu yang terdapat pada suatu huruf ketika menyebutnya seperti tebal-nipis, tinggi-rendah, kuat-lemah, menghamburkan angin atau tidak dan sebagainya (Issraq Ramli, 2017). Tujuan utama pembahagian makhraj ialah untuk membezakan antara huruf dalam sesuatu kumpulan dengan kumpulan yang lain. Manakala sifat pula, bertujuan untuk mengetahui perbezaan huruf dalam kumpulan makhraj yang sama (Nurul Asyikhin, 2010). Untuk menentukan sifat huruf, perlu dilihat sama ada pita suara bergetar atau sebaliknya, udara yang keluar berjalan lancar atau tidak, lidah terangkat, mendatar atau melengkung, terdapat bunyi desir atau tidak dan tatacara penyebutan huruf yang lain (Mohd Zaki & Che Radiah, 2010).

Kebanyakan huruf Arab mempunyai lima sifat huruf. Ada juga huruf Arab yang mempunyai enam sifat huruf dan yang paling banyak mempunyai tujuh sifat. Malah, ada antaranya mempunyai sifat huruf yang paling kuat seperti *jahr* dan *itbāq*, ada yang pertengahan seperti *ismāt*, ada yang lemah seperti *hams* dan paling lemah apabila berhimpun semua sifat lemah iaitu *hams*, *rakhāwah*, *istifāl* dan *infitāh* (Ramli & Abd. Rahman, 2017). Sifat-sifat huruf Arab boleh dijelaskan seperti berikut:

#### 1- *Hamās*

Sifat *hamās* berlaku apabila pita suara yang terletak di tenggorok tidak bergetar semasa proses penyebutan berlaku. Huruf-huruf yang bersifat *hamās* terhimpun dalam kombinasi ungkapan فَحْتُهُ شَخْصٌ سَكْتٌ (Jalīl A., 1998; al-Ishbīlī, 1984).

#### 2- *Jahar*

Sifat *jahar* terhasil apabila pita suara yang terletak di tenggorok bergetar semasa penyebutan berlaku. Fonem yang bersifat *jahar* ialah selain fonem *hamās* (al-Ishbīlī, 1984).

### 3- *Muhāyid*

Sifat neutral diperkenalkan oleh ahli bahasa moden bagi menyatakan sifat /◌/ *hamzah*. Ia merujuk kepada keadaan kedua-dua pita suara yang bertemu rapat dan menyekat laluan udara, kemudian dilepaskannya dengan kuat sehingga berbunyi seperti letupan. Dalam keadaan sedemikian tidak timbul persoalan sama ada pita suara bergetar atau tidak. Oleh yang demikian, fonem ini bukan *hamas* dan bukan juga *jahar* (Jalīl A., 1998).

### 4- *Infijāri* [plosive]

Sifat *infijāri* berlaku apabila dentuman udara kuat yang dilepaskan oleh dua organ pertuturan sebaik sahaja bertemu rapat ketika penyebutan berlaku. Ahli bahasa silam menggunakan istilah *syiddah* kepadanya. Huruf yang memiliki sifat ini dikumpulkan dalam ungkapan أَجْدَ قَطِّ بَكْتٍ (al-Ishbīli, 1984).

### 5- *Rakhāwah* [fricatives]

Sifat *rakhāwah* berlaku apabila dua organ pertuturan bertemu secara tidak rapat yang membolehkan udara melepasi celah kedua-duanya dengan menghasilkan bunyi desiran akibat daripada pergeseran antara udara dengan organ-organ tersebut. Huruf-huruf yang memiliki sifat ini ialah /ذ/, /ث/, /ط/, /ز/, /س/, /ص/, /ش/, /خ/, /غ/, /ع/, /ح/ dan /ه/ (al-Ishbīli, 1984).

### 6- *Mutawassit* [pertengahan]

Iaitu sifat antara *syiddah* dan *rakhāwah*. Sifat ini berlaku apabila udara dilepaskan secara perlahan semasa penyebutan tanpa mengeluarkan bunyi desiran seperti yang berlaku kepada /ع/, /و/ dan /ي/, atau udara yang tersekat keluar semula di tempat yang sama beberapa kali seperti yang berlaku kepada /ر/, ataupun udara keluar di kawasan lain sebagaimana yang terjadi semasa menyebut /ل/, /م/ dan /ن/.

### 7- *Isti'lā'*

Sifat ini merujuk kepada keadaan bahagian belakang lidah yang terangkat ke arah langit dan bahagian hadapannya mendatar ketika penyebutan. Huruf yang mempunyai sifat ini dikumpulkan dalam ungkapan خُصَّ ضَعُطِ قَطِّ (al-Ishbīli, 1984).

### 8- *Istifāl*

Sifat ini merujuk kepada keadaan tengah dan pangkal lidah yang duduk mendatar di dasar mulut semasa penyebutan berlaku. 22 huruf yang mempunyai sifat ini dikumpulkan dalam ungkapan ثَبَّتَ عَزَّ مَنْ يُجَوِّدُ حَرْفَهُ إِذْ سَلَّ شَكَا (al-Ishbīli, 1984).

### 9- *Iṭbāq* [velarization]

Sifat *iṭbāq* adalah suatu keadaan apabila belakang lidah terangkat ke arah langit, bahagian tengah lidah menurun dan bahagian depannya menaik ke kawasan gusi. Sifat ini adalah khusus bagi empat huruf iaitu /ص/, /ض/, /ط/ dan /ظ/ (al-Ishbīli, 1984).

### 10- *Infitāh*

Sifat ini bermaksud lidah tidak berkeadaan melengkung seperti ketika menyebut huruf yang bersifat *iṭbāq*. Huruf-huruf *infitāh* adalah selain daripada huruf-huruf yang bersifat *iṭbāq* (al-Ishbīli, 1984).

### 11- *Idhlāq*

*Idhlāq* menjadi sifat kepada huruf-huruf yang dianggap paling ringan sebutannya. Ia terdiri daripada enam huruf yang terhimpun dalam ungkapan فَرَّ مِنْ لَبِّ (al-Jazari, 2006).

### 12- *Iṣmāt*

Sifat *iṣmāt* merupakan sifat yang dikira berat dari segi penyebutan. Huruf-huruf selain daripada yang bersifat *idhlāq*, semuanya dikira bersifat *iṣmāt*. Contohnya /س/ dan /ذ/.

### 13- *Qalqalah*

Lantunan terjadi semasa menyebut huruf yang bersifat *jahar* dan memantul, yang sebutan baris matinya akan disusuli dengan bunyi baris (vokal) yang ringan dan udara menjadi bergelombang dengan kuat. Huruf-huruf tersebut terhimpun dalam ungkapan جِدِّ قُطْبُ جِدِّ (al-Ishbīli, 1984).

### 14- *Ṣafīr*

Desis iaitu bunyi tambahan yang keluar di antara dua bibir mulut. Sifat ini merujuk kepada udara yang tertekan keluar dengan laju melalui laluan sempit di antara dua organ pertuturan. Contoh bunyi desis ialah semasa penyebutan huruf /س/, /ص/ dan /ز/ (al-Ishbīli, 1984).

### 15- *Ghunnah* [nasal]

Sengauan berlaku semasa menyebut huruf yang mengeluarkan udara melalui rongga hidung. Huruf *ghunnah* ialah /ن/ dan /م/ (al-Ishbīli, 1984).

### 16- *Ta‘ūsh* [affricate]

Sifat ini merupakan cantuman letupan-geseran. Sebutannya bermula dengan letupan dan berakhir dengan geseran disebabkan perpisahan antara dua organ yang menghasilkan letupan semasa penyebutan (iaitu bagi huruf /ج/) yang lebih lambat jika dibandingkan dengan penyebutan huruf-huruf bersifat letupan yang lain.

17- *Tafasysyī*

Sifat berhamburan yang khusus untuk konsonan /ش/ (al-Ishbīli, 1984). Semasa menyebut huruf ini, lidah melebar dan terangkat ke arah langit yang menyebabkan udara terpancar luas serta mengeluarkan bunyi desis.

18- *Takrīr* [trill]

Sifat berulang khusus bagi /ر/ (al-Ishbīli, 1984). Ia bermaksud bahagian depan lidah bergetar semasa penyebutan dengan membuat paluan bertalu-talu ke arah gusi.

19- *Inḥirāf* [lateral]

Sifat khusus bagi konsonan /ل/. Semasa menyebut /ل/, udara yang menghadapi gangguan di permukaan lidah keluar melencung melalui tepi lidah (al-Ishbīli, 1984).

20- *Istiṭālah*

*Istiṭālah* ialah sifat khusus bagi konsonan /ض/ (al-Ishbīli, 1984). Ketika menyebut bunyi ini suara akan memanjang dari permulaan tepi lidah sehingga hujungnya.

### KONSONAN ARAB YANG SUKAR DISEBUT

Pelajar asing yang mempelajari bahasa Arab menghadapi kesukaran untuk menyebut konsonan Arab tertentu kerana terdapat beberapa konsonan yang hanya wujud dalam bahasa Arab. Situasi ini mengganggu proses pembelajaran bahasa, malah turut memberi kesan terhadap pembacaan al-Quran.

Mahjub (1993) mendapati sembilan konsonan Arab sukar disebut oleh pelajar asing. Konsonan berkenaan ialah: /اق/, /اغ/, /اع/, /اط/, /اط/, /اض/, /اص/, /اخ/ dan /اح/. Konsonan-konsonan ini juga dikenalpasti sebagai konsonan yang sukar disebut oleh beberapa pengaji terdahulu seperti ‘Aqqād, Ibrahim Anis, al-Jazari dan Bisyr (Issraq Ramli, 2017). Menurut Za’ba (1965) konsonan-konsonan ini dan ditambah lima lagi konsonan iaitu iaitu /اث/, /اش/, /از/, /اذ/, dan /اف/ merupakan konsonan pinjaman daripada bahasa Arab dan konsonan ini didapati kurang fasih dituturkan oleh pelajar Melayu (Nik Mohd Rahimi, 2010).

Kesukaran untuk menyebut konsonan Arab juga dibincangkan oleh ulama terdahulu. Sībawayh (1982) dalam membahaskan topik *Mā A’raba min al-‘Arabiyyah* juga menyentuh mengenai masalah bangsa asing yang menghadapi kesukaran menyebut konsonan Arab yang tidak terdapat dalam bahasa mereka dan kecenderungan mereka menukarkannya kepada bunyi yang hampir dalam bahasa asal.

Jadual berikutnya memaparkan konsonan Arab yang dikategorikan sebagai sukar disebut oleh pelajar asing dan sifat huruf setiap konsonan berkenaan.



**Jadual 3: Sifat konsonan Arab dalam kategori konsonan sukar disebut**

Huruf	Sifat 1	Sifat 2	Sifat 3	Sifat 4	Sifat 5	Sifat 6
ث	<i>hamas</i>	<i>rakhāwah</i>	<i>istifāl</i>	<i>infitāh</i>	<i>iṣmāt</i>	-
ح	<i>hamas</i>	<i>rakhāwah</i>	<i>istifāl</i>	<i>infitāh</i>	<i>iṣmat</i>	-
خ	<i>hamas</i>	<i>rakhāwah</i>	<i>isti‘lā’</i>	<i>infitāh</i>	<i>iṣmāt</i>	-
ذ	<i>jahar</i>	<i>rakhāwah</i>	<i>istifāl</i>	<i>infitāh</i>	<i>iṣmāt</i>	-
ز	<i>jahar</i>	<i>rakhāwah</i>	<i>istifāl</i>	<i>infitāh</i>	<i>Iṣmāt</i>	<i>ṣafīr</i>
ش	<i>hamas</i>	<i>rakhāwah</i>	<i>istifāl</i>	<i>infitāh</i>	<i>iṣmāt</i>	<i>tafashshi</i>
ص	<i>hamas</i>	<i>rakhāwah</i>	<i>isti‘lā’</i>	<i>iḥbāq</i>	<i>iṣmāt</i>	<i>ṣafīr</i>
ض	<i>jahar</i>	<i>rakhāwah</i>	<i>isti‘lā’</i>	<i>iḥbāq</i>	<i>iṣmāt</i>	<i>istītālah</i>
ط	<i>jahar</i>	<i>shiddah</i>	<i>isti‘lā’</i>	<i>iḥbāq</i>	<i>iṣmāt</i>	<i>qalqalah</i>
ظ	<i>jahar</i>	<i>rakhāwah</i>	<i>isti‘lā’</i>	<i>iḥbāq</i>	<i>iṣmāt</i>	-
ع	<i>jahar</i>	<i>tawassuṭ</i>	<i>istifāl</i>	<i>infitāh</i>	<i>iṣmāt</i>	-
غ	<i>jahar</i>	<i>rakhāwah</i>	<i>isti‘lā’</i>	<i>infitāh</i>	<i>iṣmāt</i>	-
ف	<i>hamas</i>	<i>rakhāwah</i>	<i>istifāl</i>	<i>infitāh</i>	<i>izlāq</i>	
ق	<i>jahar</i>	<i>shiddah</i>	<i>isti‘lā’</i>	<i>infitāh</i>	<i>iṣmāt</i>	<i>qalqalah</i>

Kajian ini bertujuan untuk meneliti cara sebutan konsonan yang dikategorikan sukar disebut dalam kalangan sejumlah responden seperti yang telah dinyatakan.

## METHODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan teknik rakaman audio dan set jadual semakan pakar sebagai instrumen kajian. Bagi menguji kesahan instrumen, kajian ini telah melalui proses semakan auditor dan kajian rintis. Seramai lima orang murid prasekolah yang terletak di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan dipilih secara persampelan bertujuan sebagai subjek kajian. Data dianalisis dengan menghuraikan cara sebutan konsonan Arab oleh subjek kajian dan bentuk kesilapan yang berlaku semasa proses penyebutan konsonan berkenaan.

Pemilihan subjek kajian pula berdasarkan ciri tertentu iaitu mempunyai alat artikulasi yang sempurna, tidak pelat, boleh membaca al-Quran dengan baik dan bahasa ibundanya Melayu. Lima murid didapati memenuhi kriteria ini dan dipilih sebagai subjek kajian. Manakala instrumen kajian pula diadaptasi daripada kajian Issraq Ramli (2017) iaitu dengan menggunakan kaedah rakaman audio untuk mendapatkan bacaan sebenar subjek kajian. Manakala set jadual semakan tahap penyebutan digunakan untuk mendapatkan semakan tahap sebutan daripada pakar bidang.

Kebenaran lisan daripada ibu bapa/penjaga dan pihak sekolah diperoleh terlebih dahulu sebelum kajian dijalankan. Alat rakaman dan bilik yang digunakan dipastikan bebas daripada sebarang gangguan bunyi dari persekitaran. Alat perakam digital (*mp3*) diaplikasi untuk tujuan merakam bacaan subjek kajian yang melibatkan surah *al-Fātiḥah*, *al-Zalzalah* dan *al-Fīl*. Surah ini dijadikan sampel kajian kerana surah-surah berkenaan merupakan silibus dalam sukatan pelajaran subjek kajian. Manakala *aplikasi mp3* dipilih supaya data yang dirakam mudah untuk dipindahkan ke dalam komputer dan dimuat naik ke aplikasi *One Drive Cloud* bagi tujuan penjagaan data audio.

Setiap subjek kajian dipanggil ke bilik rakaman seorang demi seorang dan diberikan teks surah *al-Fātiḥah*, *al-Zalzalah* dan *al-Fīl*. Mereka diminta membaca surah berkenaan dan dimaklumkan bahawa bacaan mereka dirakam untuk tujuan penyelidikan. Rakaman pula dilakukan secara berulang sehingga mencapai tahap yang dirasakan tahap penguasaan sebenar subjek kajian. Setiap surah yang dirakam dilabelkan bagi membantu penilai membezakan audio bagi setiap subjek kajian. Pelabelan ini bertujuan untuk menjaga kerahsiaan identiti subjek kajian sebagai sebahagian etika kajian.

Kajian ini menfokuskan 13 konsonan Arab yang dikategorikan sebagai sukar disebut oleh penutur asing berdasarkan pandangan Mahjub (1993) dan Za'ba (1965), manakala perkataan yang dinilai pula adalah seperti dalam jadual berikut:

**Jadual 5: Senarai sampel kajian yang dinilai mengikut surah**

Surah al-Fātiḥah	Surah al-Zalzalah	Surah al-Fīl
الرَّحْمَنِ - الرَّحِيمِ - الْحَمْدُ - الْعَالَمِينَ - نَعْبُدُ	إِذَا - زُلْزِلَتْ - الْأَرْضُ - زَلْزَالًا - وَأُخْرِجَتْ	تَرَ كَيْفَ - فَعَلَ -
نَسْتَعِينُ - الصِّرَاطَ - الصِّرَاطَ - الْمُسْتَقِيمَ	- أَنْفَالَهَا - أَنْفَالَهَا - وَقَالَ - يَوْمَئِذٍ -	أَصْحَابِ - الْفِيلِ
- أَنْعَمْتَ - عَلَيْهِمْ - غَيْرِ - الْمَغْضُوبِ -	تُحَدِّثُ - تُحَدِّثُ - أَخْبَارَهَا - أَوْحَى -	
الْمَغْضُوبِ - الضَّالِّينَ	يَصْدُرُ - أَشْتَاتًا - أَعْمَاهُمْ - يَعْمَلُ - مِثْقَالَ	
	ذَرَّةٍ - حَبِيرًا - شَرًّا -	

Walaupun konsonan /ظ/ termasuk dalam kategori ini, akan tetapi konsonan ini tidak dinilai kerana konsonan berkenaan tiada dalam surah yang menjadi silibus pembelajaran subjek kajian. Bagi mendapatkan bacaan neutral setiap konsonan, subjek kajian diminta membaca keseluruhan surah. Hal ini adalah untuk memastikan data bacaan yang dikumpul adalah neutral dan bukan dipengaruhi oleh faktor fokus. Bagi menentukan tahap ketepatan sebutan huruf daripada aspek makhraj dan sifat

pula, skala pengukuran ordinal digunakan. Skala yang digunakan adalah seperti berikut:

**Jadual 6: Skala pengukuran tahap penyebutan konsonan**

Skala	Tahap Sebutan	Kriteria Tahap Sebutan
1	Tepat	Subjek kajian menyebut konsonan yang diuji dengan tepat dari aspek makhraj dan sifat
2	Sederhana tepat	Subjek kajian menyebut konsonan yang diuji dengan sederhana tepat. Penyebutan huruf berkenaan tepat dari aspek makhraj namun kurang 1 sifat huruf.
3	Kurang tepat	Subjek kajian menyebut konsonan yang diuji secara kurang tepat. Penyebutan huruf berkenaan tepat dari aspek makhraj namun kurang 2 daripada sifatnya
4	Tidak tepat	Penyebutan konsonan oleh subjek kajian tepat dari aspek makhraj namun kurang 3 atau lebih sifatnya
5	Sangat tidak tepat	Penyebutan konsonan oleh subjek kajian adalah salah dari aspek makhraj

Skala ini dibina oleh pakar pemeriksa sebutan berdasarkan kepada pengalaman beliau sebagai qari dan juri dalam tilawah al-Quran serta disemak dan disahkan oleh dua pakar rujuk yang dilantik.

### **ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

Berikut merupakan dapatan hasil soal selidik yang dijalankan terhadap subjek kajian yang dianalisis berdasarkan skor skala dan kekerapan mengikut konsonan.

### **SEBUTAN KONSONAN ARAB OLEH SUBJEK KAJIAN**

Bahagian ini memaparkan analisis data kajian yang menjelaskan cara sebutan konsonan Arab oleh subjek kajian. Dapatan kajian berkaitan konsonan yang dinilai dipaparkan dalam bentuk jadual. Analisis dilakukan dari konsonan ke konsonan untuk melihat cara sebutan serta kesalahan yang dilakukan.

Untuk konsonan /ث/, sebanyak tiga perkataan diuji. Perkataan tersebut ialah /أَنقَالَهُمْ/, /تُحَدِّثُ/ dan /مُنْقَالُ/. Pencapaian subjek kajian bagi konsonan ini adalah seperti yang dipaparkan pada jadual berikut:

**Jadual 7: Penyebutan konsonan /ث/ mengikut skala**

Perkataan	Skor				
	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
أَتَقَالَهَا	3	-	-	-	2
تُحَدِّثُ	4	-	-	-	1
مَتَقَالَ	2	-	-	-	3
Kekerapan	9	0	0	0	6
Peratus	60 %	0 %	0 %	0 %	40 %

Berdasarkan jadual sembilan sampel bacaan yang dirakam yang mewakili 60% daripada keseluruhan sampel kajian mencatatkan skala 1 iaitu dapat menyebut konsonan /ث/ dengan tepat dari aspek makhraj dan sifat. Taburan pencapaian ini merangkumi empat subjek kajian pada perkataan /تُحَدِّثُ/, tiga orang pada perkataan /أَتَقَالَهَا/ dan dua orang pada perkataan /مَتَقَالَ/.

Masalah kesilapan menggugurkan sifat ketika menyebut konsonan /ث/ didapati tidak berlaku, walaupun kesilapan penukaran makhraj nampak ketara pada konsonan ini. Sebanyak 40% daripada sampel kajian yang dirakam didapati terdapat kesalahan menukar makhraj konsonan ini kepada makhraj konsonan /س/ iaitu tiga subjek kajian melakukannya pada perkataan /مَتَقَالَ/, dua subjek kajian melakukannya pada perkataan /أَتَقَالَهَا/ dan seorang melakukannya pada perkataan /تُحَدِّثُ/.

Untuk konsonan /ح/ sebanyak lima perkataan diuji. Perkataan-perkataan berkenaan ialah /الرَّحْمَنُ/, /الرَّحِيمُ/, /الْحَمْدُ/, /تُحَدِّثُ/ dan /أَوْحَى/. Pencapaian subjek kajian untuk konsonan ini adalah seperti yang dipaparkan dalam jadual berikut:

**Jadual 8: Penyebutan konsonan /ح/ mengikut skala**

Perkataan	Skor				
	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
الرَّحْمَنُ	2	3	-	-	-
الرَّحِيمُ	3	-	-	-	2
الْحَمْدُ	4	-	-	-	1
تُحَدِّثُ	1	1	-	-	3
أَوْحَى	5	-	-	-	-
Kekerapan	15	4	0	0	6
Peratus	60 %	16 %	0 %	0 %	24 %

Berdasarkan jadual, skala 1 yang merujuk kepada ketepatan sebutan konsonan dari sudut makhraj dan sifat mencatat pencapaian tertinggi iaitu sebanyak 60% daripada sampel bacaan yang direkodkan. Semua responden mampu menyebut dengan tepat konsonan /ح/ pada perkataan /أَوْحَى/, empat orang pada perkataan /الْحَمْدُ/, tiga orang pada perkataan /الرَّحِيمِ/, dua orang pada perkataan /الرَّحْمَنِ/ dan hanya seorang yang mencapai skala 1 pada perkataan /تُحَدِّثُ/.

Konsonan /ح/ pada perkataan /تُحَدِّثُ/ pula menunjukkan paling ramai subjek kajian menyebutnya dengan kesalahan bertukar makhraj kepada makhraj /هـ/ iaitu sebanyak tiga orang. Diikuti dengan kalimah /الرَّحِيمِ/ sebanyak dua orang dan /الْحَمْدُ/ sebanyak seorang. Pengguguran satu sifat dikesan berlaku pada kalimah /الرَّحْمَنِ/ dan /تُحَدِّثُ/. Walau bagaimanapun hanya satu sifat konsonan /ح/ sahaja yang digugurkan, iaitu sifat *hamas*.

Untuk konsonan /خ/ sebanyak tiga sampel kajian telah diuji. Sampel berkenaan ialah perkataan /وَأَخْرَجَتْ/, /أَخْبَارَهَا/, dan /خَيْرًا/. Dapatan bagi konsonan ini dipaparkan pada jadual berikut:

**Jadual 9: Penyebutan konsonan /خ/ mengikut skala**

Perkataan	Skor				
	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
وَأَخْرَجَتْ	2	1	-	1	1
أَخْبَارَهَا	1	1	-	1	2
خَيْرًا	5	-	-	-	-
Kekerapan	8	2	0	2	3
Peratus	53.3 %	13.3%	0 %	13.3%	20 %

Berdasarkan jadual, sebanyak 53.3% daripada jumlah sampel bacaan didapati disebut dengan tepat dari sudut makhraj dan sifat. Taburan jumlah berkenaan mewakili lima kali untuk perkataan /وَأَخْرَجَتْ/, dua kali untuk perkataan /أَخْبَارَهَا/ dan sekali untuk perkataan /خَيْرًا/. Semua subjek kajian mampu mencapai skala 1 untuk perkataan /وَأَخْرَجَتْ/ berbanding dua lagi perkataan yang hanya mampu disebut dengan skala 1 oleh dua orang pada perkataan /وَأَخْرَجَتْ/ dan seorang pada perkataan /أَخْبَارَهَا/.

Dua sampel bacaan didapati terdapat pengguguran satu dan tiga sifat, manakala tiga sampel didapati terdapat kesalahan menukar makhraj. Semua subjek kajian berjaya menyebut konsonan /خ/ dengan tepat pada perkataan /خَيْرًا/. Pada perkataan /وَأَخْرَجَتْ/ berlaku tiga jenis kesalahan yang dikesan iaitu penukaran makhraj, pengguguran satu dan dua sifat huruf. Seorang subjek kajian melakukan penukaran makhraj kepada

makhraj konsonan /ح/. Seterusnya kesilapan daripada aspek sifat pula melibatkan tiga sifat iaitu *isti 'lā'*, *iṣmāt* dan *rakhāwah*. Seorang subjek kajian menggugurkan sifat *isti 'lā'*. Manakala seorang lagi menggugurkan sifat *isti 'lā'*, *iṣmāt* dan *rakhāwah*.

Kesilapan yang sama juga berlaku pada perkataan /أَخْبَارَهَا/. Dua orang subjek kajian melakukan penukaran makhraj kepada makhraj konsonan /ح/. Malah seorang subjek kajian telah menambah bunyi vokal /و/ menjadikan sebutannya *awḥbārāha* /أَوْحِبَارَهَا/. Manakala seorang lagi telah menukar makhraj /خ/ kepada makhraj /ح/. Kesilapan dari aspek sifat juga melibatkan pengguguran tiga sifat konsonan /خ/ iaitu sifat *isti 'lā'*, *hamas* dan *rakhāwah*. Seorang subjek kajian menggugurkan sifat *isti 'lā'*, manakala seorang lagi menggugurkan sifat *isti 'lā'*, *hamas* dan *rakhāwah*.

Tiga perkataan menjadi sampel kajian untuk menguji penyebutan konsonan /ذ/ iaitu perkataan /إِذَا/, /يَوْمَئِذٍ/ dan /ذُرَّةَ/. Jadual berikut menunjukkan hasil dapatan kajian mengenai pencapaian subjek kajian terhadap konsonan ini.

**Jadual 10: Penyebutan konsonan /ذ/ mengikut skala**

Perkataan	Skor				
	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
إِذَا	2	-	-	-	3
يَوْمَئِذٍ	1	1	-	-	3
ذُرَّةَ	4	-	-	-	1
Kekerapan	7	1	0	0	7
Peratus	46.7 %	6.7 %	0 %	0 %	46.7 %

Jadual menunjukkan kekerapan dan peratus cara penyebutan yang tepat dan kesilapan penukaran makhraj pada sampel kajian yang dirakam adalah sama iaitu sebanyak 7 kali atau 46.7%. Empat daripada lima subjek kajian menyebut konsonan /ذ/ pada perkataan /ذُرَّةَ/ dengan tepat, manakala dua orang menyebutnya dengan tepat pada perkataan /إِذَا/ dan hanya seorang yang menyebut konsonan ini dengan tepat pada perkataan /يَوْمَئِذٍ/.

Sebanyak tujuh sampel bacaan yang dirakam atau 46.7% juga didapati menyebut konsonan /ذ/ dengan menukar makhrajnya kepada makhraj konsonan /ز/. Kesilapan ini dilakukan oleh tiga subjek kajian pada kalimah /إِذَا/, tiga subjek kajian pada kalimah /يَوْمَئِذٍ/ dan seorang subjek kajian pada perkataan /ذُرَّةَ/. Dari aspek sifat pula, hanya seorang subjek kajian menggugurkan satu sifat pada sebutan konsonan /ذ/. Sifat yang digugurkan ialah *istifāl*. Dapatan ini menunjukkan bahawa penguasaan sebutan konsonan ini adalah tidak konsisten pada semua subjek kajian.

Untuk konsonan /ز/ terdapat dua sampel kajian diterapkan kepada subjek kajian. Perkataan berkenaan ialah /زُلزَلت/ dan /زَلزَلها/. Dapatan kajian bagi konsonan /ز/ adalah seperti yang dipaparkan dalam jadual berikut:

**Jadual 11: penyebutan konsonan /ز/ mengikut skala**

Perkataan	Skor				
	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
زُلزَلت	2	1	1	1	-
زَلزَلها	2	2	-	-	1
Kekerapan	4	3	1	1	1
Peratus	40 %	30 %	10 %	10 %	10 %

Berdasarkan jadual, empat sampel bacaan yang dirakam yang mewakili 40% daripada sampel kajian didapati mampu mencapai skala 1 iaitu menyebut konsonan dengan tepat dari sudut makhraj dan sifat. Tiga sampel kajian didapati menggugurkan satu sifat iaitu seorang subjek kajian menggugurkan sifat *istifāl* pada perkataan /زُلزَلت/, dua subjek kajian lagi menggugurkan sifat *ṣafīr* pada perkataan /زَلزَلها/ dan seorang subjek kajian menggugurkan dua sifat iaitu *istifāl* dan *ṣafīr* pada perkataan /زُلزَلت/. Manakala seorang subjek kajian juga didapati menggugurkan tiga sifat iaitu *ṣafīr*, *rakhāwah* dan *iṣmāt*. Seorang subjek kajian didapati melakukan kesilapan penukaran makhraj konsonan /ز/ kepada /ذ/ pada perkataan /زَلزَلها/. Kesalahan ini berkemungkinan berpunca daripada kedudukan dua konsonan ini yang berdekatan dan dalam ayat yang sama yang menyebabkan subjek kajian berkenaan keliru dalam menentukan sebutan yang tepat.

Untuk konsonan /ش/, dua perkataan menjadi sampel kajian untuk konsonan ini iaitu perkataan /أَشْتَاتَا/ dan /شَرَّأ/. Dapatan kajian untuk konsonan ini dipaparkan seperti pada jadual berikut:

**Jadual 12: Penyebutan konsonan /ش/ mengikut skala**

Perkataan	Skor				
	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
أَشْتَاتَا	4	-	1	-	-
شَرَّأ	5	-	-	-	-
Kekerapan	9	0	1	0	0
Peratus	90 %	0 %	10 %	0 %	0 %

Berdasarkan jadual didapati sebanyak 9 sampel kajian yang mewakili 90% daripada sampel bacaan yang dirakam mencatat skala 1 dalam menyebut konsonan

/ش/. Taburan kekerapan ini merangkumi empat subjek kajian pada perkataan /أَشْتَاتَا/ dan lima subjek kajian pada perkataan /شَرَّأ/. Pada perkataan /أَشْتَاتَا/, seorang subjek kajian menggugurkan dua sifat ketika menyebut konsonan ini iaitu *tafasysyi* dan *rakhāwah*. Dapatan juga menunjukkan tidak ada subjek kajian yang melakukan kesilapan menukar makhraj /ش/ pada kedua-dua sampel kajian yang dirakam.

Sebanyak tiga perkataan menjadi sampel kajian untuk menguji konsonan /ص/ iaitu perkataan /الصِّرَاطُ/, /يَصْنُرُ/ dan /بِأَصْحَابِ/. Dapatan kajian bagi konsonan ini dapat dilihat pada paparan jadual berikut:

**Jadual 13: Penyebutan konsonan /ص/ mengikut skala**

Sampel kajian	Skor				
	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
الصِّرَاطُ	1	1	-	2	1
يَصْنُرُ	3	1	-	-	1
بِأَصْحَابِ	1	-	-	2	2
Kekerapan	5	2	0	4	4
Peratus	33.3 %	13.3 %	0 %	26.7%	26.7 %

Berdasarkan jadual didapati 33.3% sampel bacaan yang direkod mencatat skala 1. Taburan kekerapan berkenaan menunjukkan bahawa tiga sampel kajian didapati menyebut konsonan /ص/ dengan tepat pada perkataan /يَصْنُرُ/, dan satu sampel sahaja didapati menyebut dengan tepat pada perkataan /الصِّرَاطُ/ dan /بِأَصْحَابِ/.

Dari sudut sifat huruf, subjek kajian dikesan telah menggugurkan tiga sifat konsonan ini iaitu sifat *isti 'lā'*, *ṣafīr* dan *hamas* pada perkataan /الصِّرَاطُ/ dan /بِأَصْحَابِ/. Manakala pada perkataan /الصِّرَاطُ/ dan /يَصْنُرُ/ berlaku pengguguran satu sifat, namun sifat yang digugurkan adalah berbeza. Subjek kajian didapati menggugurkan sifat *ṣafīr* pada perkataan /الصِّرَاطُ/ dan sifat *isti 'lā'* pada perkataan /يَصْنُرُ/. Kesilapan penukaran makhraj pula berlaku pada ketiga-tiga sampel. Empat sampel bacaan dikesan terdapat penukaran makhraj konsonan /ص/ kepada konsonan /س/.

Sebanyak tiga perkataan telah diuji untuk melihat tahap penguasaan subjek kajian terhadap sebutan konsonan /ض/. Perkataan-perkataan berkenaan ialah /الْمَغْضُوبُ/, /الضَّالِّينَ/ dan /الأَرْضُ/. Dapatan kajian bagi konsonan ini adalah seperti yang dipaparkan dalam jadual berikut:



**Jadual 14: penyebutan konsonan /ض/ mengikut skala**

Perkataan	Skor				
	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
المَغْضُوب	1	-	-	3	1
الصَّالِّينَ	-	-	-	2	3
الأَرْضُ	3	1	-	1	-
Kekerapan	4	1	0	6	4
Peratus	26.7 %	6.7%	0 %	40 %	26.7%

Berdasarkan jadual, didapati empat sampel kajian yang mewakili 26.7% daripada keseluruhan sampel yang dirakam menyebut konsonan /ض/ dengan skala 1 iaitu tepat dari segi makhrāj dan sifat huruf. Taburan pencapaian ini terdiri daripada tiga orang subjek kajian pada perkataan /الأَرْضُ/ dan seorang pada perkataan /المَغْضُوب/. Namun tidak ada subjek kajian yang menyebutnya dengan skala 1 pada perkataan /الصَّالِّينَ/. Dapatan kajian juga menunjukkan 26.7% daripada sampel bacaan didapati terdapat kesilapan menukar makhrāj konsonan ini kepada konsonan /ذ/.

Pengguguran tiga sifat konsonan /ض/ merupakan kesalahan yang ketara apabila 40% daripada sampel kajian didapati terdapat kesalahan ini. Pada perkataan /المَغْضُوب/ tiga subjek kajian menggugurkan sifat *isti‘lā’*, *rakhāwah* dan *ismāt*. Manakala pada perkataan /الصَّالِّينَ/ dua subjek kajian menggugurkan sifat *isti‘lā’*, *rakhāwah* dan *isti‘lālah*. Seorang subjek kajian pula menggugurkan sifat *isti‘lā’*, *rakhāwah* dan *itbāq* pada perkataan /الأَرْضُ/. Pada perkataan /الأَرْضُ/ juga berlaku pengguguran satu sifat konsonan /ض/ oleh seorang subjek kajian, iaitu sifat *isti‘lā’*.

Untuk konsonan /ط/ hanya satu perkataan menjadi sampel kajian iaitu perkataan /الصِّرَاطُ/. Jadual 15 menunjukkan hasil dapatan kajian bagi konsonan ini.

**Jadual 15: Penyebutan konsonan /ط/ mengikut skala**

Perkataan	Skor				
	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
الصِّرَاطُ	2	-	-	3	-
Kekerapan	2	0	0	3	0
Peratus	40 %	0 %	0 %	60 %	0 %

Jadual menunjukkan bahawa hanya dua daripada lima subjek kajian sahaja yang berjaya mencatat skor 1 iaitu mampu menyebut konsonan /ط/ dengan tepat dari aspek sifat dan makhrāj. Manakala baki tiga subjek kajian menyebut konsonan ini dengan

menggugurkan tiga sifat iaitu *isti'la'*, *syiddah* dan *itbaq*. Dari sudut penukaran makhraj, dapatan kajian mendedahkan tidak berlaku penukaran makhraj ketika menyebut konsonan ini oleh semua subjek kajian.

Untuk konsonan /ع/ sebanyak tujuh sampel kajian telah diuji. Sampel berkenaan ialah perkataan /العَالَمِينَ/, /تَعْبُدُ/, /نَسْتَعِينُ/, /أَنْعَمْتَ/, /عَلَيْهِمْ/, /أَعْمَالُهُمْ/ dan /يَعْمَلُ/. Dapatan kajian berkaitan dengan penyebutan konsonan ini adalah seperti yang dipaparkan dalam jadual berikut:

**Jadual 16: Penyebutan konsonan /ع/ mengikut skala**

Perkataan	Skor				
	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
العَالَمِينَ	-	-	1	-	4
تَعْبُدُ	4	-	-	-	1
نَسْتَعِينُ	1	-	-	-	4
أَنْعَمْتَ	2	-	-	-	3
عَلَيْهِمْ	5	-	-	-	-
أَعْمَالُهُمْ	5	-	-	-	-
يَعْمَلُ	5	-	-	-	-
Kekerapan	22	0	1	0	12
Peratus	62.9 %	0 %	2.9%	0 %	34.3 %

Berdasarkan jadual, sebanyak 22 kali konsonan ini disebut dengan tepat iaitu mewakili 62.9% daripada keseluruhan sampel bacaan yang dirakam. Semua subjek kajian didapati mencapai skala 1 pada perkataan /عَلَيْهِمْ/, /أَعْمَالُهُمْ/ dan /يَعْمَلُ/. Ini menunjukkan bahawa semua subjek kajian mampu menyebut konsonan /ع/ dengan tepat dari aspek sifat dan makhraj pada tiga perkataan berkenaan. Empat responden didapati mampu mencapai skala 1 pada perkataan /تَعْبُدُ/, dua orang pada perkataan /أَنْعَمْتَ/ dan seorang pada perkataan /نَسْتَعِينُ/. Manakala tiada seorang pun subjek kajian yang mampu mencapai skala ini pada perkataan /العَالَمِينَ/.

Sebanyak 34.3% daripada sampel bacaan didapati berlaku penukaran makhraj dan 2.9% didapati berlaku penguguran dua sifat iaitu sifat *istifal* dan *infitah*. Dapatan ini menunjukkan bahawa penukaran makhraj huruf merupakan kesalahan yang paling ketara berlaku dalam penyebutan konsonan /ع/, iaitu sebanyak 34.4% sampel bacaan didapati terdapat kesalahan ini. Berdasarkan dapatan, hampir semua subjek kajian menyebut bunyi konsonan /ع/ dengan bunyi menghidung, bukan pada kedudukan makhraj sebenar di halkum.

Bagi konsonan /غ/ terdapat dua perkataan yang menjadi sampel kajian iaitu perkataan /غَيْر/ dan /المَغْضُوبِ/. Dapatan kajian bagi konsonan ini adalah seperti yang dipaparkan pada jadual di bawah:

**Jadual 17: Sebutan konsonan /غ/ mengikut skala**

Perkataan	Skor				
	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
غَيْر	4	-	-	-	1
المَغْضُوبِ	-	-	-	5	-
Kekerapan	4	0	0	5	1
Peratus	40 %	0 %	0 %	50%	10 %

Berdasarkan jadual, empat subjek kajian didapati berjaya menyebut konsonan /غ/ dengan tepat dari sudut makhraj dan sifat pada perkataan /غَيْر/. Sebaliknya tiada seorang pun subjek kajian yang mencapai skala 1 pada perkataan /المَغْضُوبِ/. Kesilapan penyebutan didapati ketara berlaku pada perkataan /المَغْضُوبِ/. Hal ini kerana semua subjek kajian menyebut konsonan /غ/ dengan menggugurkan tiga sifat, iaitu *isti'la'*, *rakhawah* dan *ishmat*.

Walaupun majoriti subjek kajian mampu menyebut dengan betul perkataan /غَيْر/ akan tetapi seorang daripadanya telah melakukan penukaran makhraj. Subjek kajian didapati telah menukar makhraj konsonan /غ/ kepada konsonan /خ/.

Sebanyak tiga perkataan menjadi sampel kajian untuk konsonan /ف/. Jadual berikutnya menunjukkan hasil dapatan kajian bagi konsonan ini.

**Jadual 18: penyebutan konsonan /ف/ mengikut skala**

Perkataan	Skor				
	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
ثَرَكَيْفَ	5	-	-	-	-
فَعَلَ	5	-	-	-	-
الْفَيْلِ	5	-	-	-	-
Kekerapan	15	0	0	0	0
Peratus	100 %	0 %	0 %	0%	0 %

Berdasarkan jadual, didapati semua subjek kajian berjaya menyebut konsonan /ف/ dengan tepat dari aspek sifat dan makhraj. Semuanya mampu mencapai skala 1 dalam konsonan ini. Hal ini berkemungkinan kerana konsonan ini adalah sama dengan

konsonan /f/ yang juga digunakan dalam bahasa ibunda dengan cara sebutan dan keluar dari daerah artikulasi yang sama.

Akhir sekali, tiga perkataan berikut iaitu /المُسْتَقِيمَ/, /أَنْقَالَهَا/ dan /وَقَالَ/ menjadi sampel kajian untuk menguji penyebutan konsonan /ق/. Jadual berikutnya memaparkan hasil dapatan kajian bagi konsonan /ق/.

**Jadual 19: Penyebutan konsonan /ق/ mengikut skala**

Perkataan	Skor				
	Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
المُسْتَقِيمَ	2	-	-	-	3
أَنْقَالَهَا	4	-	-	-	1
وَقَالَ	5	-	-	-	-
Kekerapan	11	0	0	0	4
Peratus	73.3 %	0 %	0 %	0 %	26.7 %

Berdasarkan jadual, peratusan penyebutan yang tepat bagi konsonan /ق/ adalah lebih ketara berbanding kesilapan penukaran makhraj. Sebanyak 73.3% daripada sampel bacaan yang dirakam didapati menyebut konsonan /ق/ dengan tepat pada ketiga-tiga perkataan. Bagi kalimah /وَقَالَ/, semua lima subjek kajian menyebutnya dengan tepat. Manakala empat subjek kajian mampu menyebut konsonan ini dengan tepat pada perkataan /أَنْقَالَهَا/ dan dua subjek kajian menyebutnya dengan tepat pada perkataan /المُسْتَقِيمَ/.

Namun begitu, sebanyak 26.7% sampel kajian yang dirakam dikesan terdapat kesilapan penukaran makhraj. Tiga subjek kajian menukar makhraj konsonan /ق/ kepada makhraj konsonan /ك/ pada perkataan /المُسْتَقِيمَ/. Manakala seorang subjek kajian menukar makhraj konsonan /ق/ kepada konsonan /خ/ menjadikan sebutan perkataan berkenaan kedengaran seperti /أَنْخَالَهَا/ [athkhālahā].

### PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa subjek kajian kurang menguasai sebutan konsonan Arab yang dikategorikan sebagai sukar disebut. Penguasaan subjek kajian pada tahap sederhana dan mereka konsisten melakukan kesalahan seperti menggugurkan sifat dan menukar makhraj huruf pada konsonan yang diuji.

Skala 5 merujuk kepada penyebutan konsonan yang salah dari aspek makhraj. Kesalahan ini berlaku apabila subjek kajian menukar bunyi konsonan tertentu kepada bunyi konsonan lain. Kebanyakan konsonan yang diuji didapati telah ditukar makhrajnya kepada makhraj konsonan lain yang mempunyai kemiripan sifat dan

makhraj. Jadual berikutnya menunjukkan skor skala 5 pada setiap konsonan yang diuji yang disusun mengikut urutan menurun.

**Jadual 20: Jumlah sampel dengan skor skala 5**

Konsonan	Jumlah	Peratus	Sebutan yang dirakam
/ذ/	7	46.7%	<i>zay</i> /ز/
/ث/	6	40%	<i>sīn</i> /س/
/ع/	12	34.3%	bunyi menghidung
/ض/	6	26.7%	<i>dāl</i> /د/
/ق/	4	26.7%	<i>kāf</i> /ك/ dan <i>khā'</i> /خ/
/ص/	4	26.7%	<i>sīn</i> /س/
/ح/	6	24%	<i>hā'</i> /ه/
/خ/	3	20%	<i>hā'</i> /ح/
/غ/	1	10%	<i>khā'</i> /خ/
/ز/	1	10%	<i>dhāl</i> /ذ/
/ط/	0	0%	-
/ش/	0	0%	-
/ف/	0	0%	-

Berdasarkan jadual, terdapat sepuluh konsonan yang telah ditukar bunyinya kepada konsonan lain dengan kekerapan yang berbeza. Semua bunyi konsonan yang tiada dalam bahasa ibunda telah ditukar kepada bunyi lain yang hampir sama dengan bahasa asal murid. Konsonan /ذ/ mencatat peratusan sampel paling banyak ditukar kepada bunyi konsonan /ز/ iaitu sebanyak 46.7%. Kemudian diikuti oleh konsonan /ث/ kepada /س/ sebanyak 40% dan /ع/ kepada bunyi menghidung sebanyak 34.3%. Dapatan ini mendedahkan bahawa murid lebih cenderung menukar bunyi yang baharu dipelajari kepada bunyi yang hampir dalam bahasa pertama mereka. Dapatan ini menyokong dapatan kajian Abdul Raziq (1996) yang menyatakan penutur Melayu cenderung menggantikan bunyi huruf Arab kepada bunyi yang hampir sama dengannya dalam bahasa ibunda. Hal ini kerana bahasa pertama mempunyai pengaruh yang lebih besar kepada pemerolehan bahasa penutur seperti yang ditegaskan oleh Yunus & Pillai (2020).

Tiga konsonan dikesan tidak berlaku sebarang penukaran makhraj iaitu konsonan /ف/, /ط/ dan /ش/. Adanya persamaan bunyi antara konsonan-konsonan ini dengan bunyi dalam bahasa ibunda merupakan faktor yang menyumbang kepada pencapaian ini. Contohnya konsonan /ف/ mempunyai persamaan dengan konsonan /f/ dalam bahasa ibunda. Subjek kajian biasa menggunakan bunyi yang sama dalam bahasa ibunda seperti perkataan /faham/, /famili/, /feri/ dan /fikir/. Oleh yang demikian tiada peralihan makhraj berlaku ketika menyebut konsonan ini.

Walau bagaimanapun dapatan kajian mendedahkan bahawa penguasaan subjek kajian tidak konsisten pada sesetengah konsonan. Untuk konsonan /ذ/ empat subjek kajian mampu mencapai skala 1 pada perkataan /ذَرَّةٌ/, tetapi hanya dua subjek kajian mencapai skala ini pada perkataan /إِذَا/ dan seorang sahaja yang mencapainya pada perkataan /يَوْمَئِذٍ/. Ini menunjukkan bahawa subjek kajian yang sama berjaya menyebut dengan tepat pada suatu perkataan tetapi tidak berjaya menyebutnya dengan tepat pada perkataan lain. Dapatan ini mendedahkan bahawa penguasaan sebutan berkenaan adalah kemahiran yang dipelajari dan bukannya kemahiran yang diperolehi. Permasalahan ini juga berpunca daripada pengaruh dominansi. Pengaruh bahasa pertama yang lebih dominan akan mempengaruhi pemerolehan bahasa kedua pelajar. Bunyi /ز/ yang sama dengan bunyi konsonan /z/ dalam bahasa ibunda menjadikan konsonan ini lebih dominan kepada subjek kajian berbanding konsonan /ذ/ yang mempunyai sifat *jahar*, *rakhāwah*, *istifāl* dan *infitāh*.

Faktor tanda baris juga mempengaruhi dapatan ini. Majoriti subjek kajian mampu mendapat skor skala 1 ketika menyebut konsonan /ع/ yang berbaris mati pada perkataan /بَعْمَلٌ/, /أَعْمَالُهُمْ/ dan /نَعْبُدُ/. Akan tetapi tiada seorang pun yang mampu mencapai skala ini pada perkataan /العَالَمِينَ/ yang dibaca dengan tanda baris panjang. Dalam situasi seumpama ini subjek kajian memerlukan latihan, pendedahan dan masa yang lama supaya lakuan bahasa kedua menyamai prestasi bahasa ibunda.

Sesuatu yang menarik ialah data kajian menunjukkan adanya penukaran makhraj konsonan /ث/ kepada konsonan /س/ tetapi tidak berlaku penukaran sifat huruf. Faktor yang menyumbang kepada fenomena ini ialah kerana sifat huruf kedua konsonan ini adalah sama iaitu *hamas*, *rakhāwah*, *istifāl*, *infitāh* dan *ismāt*. Yang membezakan keduanya ialah konsonan /س/ memiliki satu sifat tambahan iaitu *ṣafīr*.

## KESIMPULAN

Kajian terhadap penyebutan konsonan Arab dalam kalangan murid prasekolah mendapati penguasaan mereka masih di tahap sederhana. Pengaruh bahasa pertama didapati sangat dominan apabila hampir keseluruhan konsonan yang dikaji mencatatkan masalah penukaran makhraj huruf kepada bunyi yang ada kemiripan dengan konsonan berkenaan dengan kekerapan yang pelbagai.

Walaupun kesilapan penyebutan konsonan Arab yang dilakukan dianggap normal pada peringkat ini, namun sekiranya tidak dibaiki permasalahan ini akan menyumbang kepada kesilapan yang lebih besar pada peringkat seterusnya. Oleh itu, pengenalan awal huruf hijaiyyah Arab adalah sangat penting bagi membolehkan murid membezakan konsonan dalam bahasa ibunda dengan konsonan Arab. Dapatan ini memberikan implikasi bahawa perlu ada usaha untuk melatih dan membiasakan murid dengan bunyi sebenar setiap konsonan Arab. Guru disarankan supaya

menunjukkan dengan jelas bagaimanakah pergerakan alat artikulasi seperti bibir, lidah dan gigi ketika menghasilkan bunyi konsonan Arab yang betul.

## RUJUKAN

- Abdel Raziq Hassan. (1996). *Dirasat taqābuliyyah baina al-‘Arabiah wa Malayuwiyah*. Kuala Lumpur: A.S Noordeen
- Abdul Qadir Leong. (2005). *Tajwid al-Qur’an rasm Uthmani*. Pustaka Salam Sdn. Bhd
- Al-Ishbīli, Abū al-Aṣḡagh al-Sumātī. (1984). *Makhārij al-ḥurūf wa ṣifātuhā*. Muḥammad Ya‘qūb Turkistānī (ed.). n.p.
- Al-Qaddūr, Ahmad Muḥammad. (1999). *Mabādī‘ al-lisāniyyat*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Azarudin Awang, Azman Che Mat & Ahmad Nazuki. (2011). Tahap pembacaan Al-Quran dalam kalangan pelajar di UITM Terengganu. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 3(2), 83-100.
- Hans Lapoliwa. (1988). *Pengantar Fonologi 1: Fonetik*. Jakarta, Indonesia: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Hassan, S.S. & Zailaini, M.A. (2015). Bentuk-bentuk kesalahan bacaan Al-Quran pelajar di sebuah IPTA. *O-jIE Online Journal of Islamic Education*, 3(2), 1-9.
- Hassani, Ahmad. (2020). *Mabāḥith fi ‘ilm al-aṣwāt*. Dubai: al-Wasl University
- Hussin, M., & Kamal, M. (2021). Translation of al-Quran into Malay language in the Malay world. *International Journal of Islamic Studies and Humanities*, 4(1), 32-50. doi:https://doi.org/10.26555/ijish.v4i1.3322
- Ibn al-Jazarī, Muḥammad bin Muḥammad. (2006). *Munzūmah al-muqaddimah*. aymān Rushdī Suwayd (ed.). Jeddah: Dār Nūr al-Maktabāt.
- Ibrahim Mustafa et al. (1989). *Al-Mu‘jam al-wasīṭ*. Istanbul: Dār al-Da‘wah.
- Indirawati Z. & Mardiah S.O. (2007). *Fonetik dan fonologi*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ishak Hj. Abas. (1989). *Memahami tajwid dan tartil al-Quran*. Kuala Lumpur. Penerbitan Seri Kota.
- Issraq Ramli. (2017). *Aplikasi teori mahjub dalam memperbaiki penyebutan bunyi Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sabah*. Tesis PhD. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jalīl A., ‘Abd al-Qadīr. (1998). *Handasah al-maqāti‘ al-ṣawtiyyah*. ‘Amman: Dār al-Ṣafā’.
- Kamarulzaman Abdul Ghani. (1998). *al-Lughah al-‘Arabiyyah wa al-lughah al-Māliziyyah min al-nāhiyah al-ṣawtiyyah wa al-ṣarfiyyah*. Tesis Sarjana. Cairo: Dār al-‘Ulum, Cairo University
- Mahjub, ‘Abdul Fattāḥ. (1993). *Ta‘līm wa ta‘allum al-aṣwāt al-‘Arabiyyat al-sa‘bat li ghayr al-nāṭiqīn biḥā, li al-mu‘allim wa al-muta‘allim*. Makkah: Ma‘ahad al-Lughat al-‘Arabiyyat, Umm al-Qura University.

- Masnan Jemali. (2005). Tahap penguasaan al-Quran di kalangan pelajar sekolah menengah di Perak: *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke 4*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Shariq, M. (2015). Arabic and English consonants: A phonetic and phonological investigation. *Advances in Language and Literary Studies*, 6(6), 146-152.
- Mohd Zaki Abd Rahman. (2002). *Fonetik dan tajwid*. Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Aderi Che Noh. (2004). *Celik al-Quran di kalangan pelajar tingkatan satu zon Pudu*. Kuala Lumpur. Projek Penyelidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Zaki Abd Rahman & Che Radiah Mezah. (2010). *Ciri-ciri bahasa Arab: Fonetik, morfologi dan sintaksis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nik Mohd Rahimi, Harun Baharudin & Nabilah Sahadan. (2019). *Pengetahuan konsonan konstrastif Arab dan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Mohd Rahimi, Harun Baharudin & Zamri Mahamod. (2010). Tahap sebutan huruf konsonan Arab dalam kalangan murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 41-46.
- Nik Mohd Rahimi, Harun Baharudin, Ghazali Yusri, Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi. (2010). Pembelajaran konsonan Arab mengikut pelat Bahasa Melayu. *Gema Online Journal Language Studies*, 10(3), 1-14.
- Nurul Asyikhin Mohd Hanafiah. (2010). *‘Ilāl dan Ibdāl Dalam Pembentukan Kata Bahasa Arab*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Saadon, R., Ariffin, K., & Saat, I. (2016). Perkembangan pendidikan orang Melayu di Malaya sebelum kemunculan Western-Type-Education. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 8(2), 79-96.
- Ramli, I. B., & Abd. Rahman, M. Z. (2017). Aplikasi teori mahjub terhadap pembaikan sebutan bunyi Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sabah. *Jurnal MANU*, 25, 137-158. <https://doi.org/10.51200/manu.v25i0.765>
- Sībawayh, ‘Amru bin Uthmān bin Qunbur. (1986). *Al-Kitāb*. ‘Abd al-Salām Muhammad Harūn (ed.). Cairo, Maktabah al-Khanji.
- Tarigan, H.G (1988). *Pengajaran analisis kesalahan berbahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Yunus, Y., & Pillai, S. (2020). The pronunciation patterns of German monophthongs among Malay speakers. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(2), 223-252. doi:10.37052/jm.13(2), 3.
- Za’ba. (1965). *Pelita Bahasa Melayu penggal 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.